



BUKTI KESAHIHAN: Empat salinan asal surat rasmi antara Dr Mahathir, Lee dan Goh.

Kerajaan buktikan sikap telus, terbuka

Dokumen rahsia diklasifikasi supaya rakyat tak keliru

Oleh Azman Mahmood, Munaarfah Abu Bakar, Suzianah Jiffar dan Wan Faizal Ismayatim

KUALA LUMPUR: Tindakan kerajaan mengklasifikasikan semula beberapa dokumen rahsia dan sedia mendedahkan kepada umum, membuktikan kerajaan bersikap telus dan terbuka dengan rakyat.

Ini berikutan butiran rahsia berkaitan pembatalan pembinaan jambatan bengkok menggantikan Tambak Johor yang dibangkitkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, kini didedahkan kepada umum.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata pendedahan maklumat berkaitan pembatalan projek berkenaan penting supaya rakyat tidak terus keliru.

"Begitu juga jika membabitkan isu lain demi menjaga kredibiliti, kerajaan seharusnya mengambil tindakan seperti itu dan ia adalah keputusan yang betul.

"Kerajaan terpaksa pertahankan kredibilitinya daripada dakwaan yang dilemparkan (Dr Mahathir) dan mengemukakan fakta dan butiran untuk pengetahuan rakyat," kata-

nya ketika dihubungi semalam.

Mengikut kenyataan Jabatan Perdana Menteri (JPM), pendedahan butiran maklumat berkenaan adalah kali kedua dalam sejarah negara apabila maklumat dilindungi Akta Rahsia Rasmi 1972 diklasifikasikan semula dan diluluskan untuk tatapan masyarakat awam.

"Ketua Penerangan Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC), Datuk Mohd Alwi Che Ahmad, berkata kerajaan mengklasifikasikan semula beberapa dokumen rahsia, termasuk pembatalan projek jambatan berkenaan boleh dianggap memenuhi permintaan Dr Mahathir yang meminta kerajaan berbuat demikian sebelum ini.

Oleh itu, katanya, apa yang kerajaan lakukan betul selaras sikap telus yang diamalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Jadi, maklumat pembatalan projek jambatan menggantikan Tambak Johor sebenarnya memenuhi permintaan Dr Mahathir dan rakyat wajar menerimanya secara positif," katanya.

Di ALOR STAR: Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid ketika dihubungi di Kuala Lumpur berkata, apa yang didedahkan kerajaan memang tepat dan patut

diketahui rakyat.

"Diharap rakyat memahami apa dilakukan kerajaan kerana ia hak kerajaan untuk mendedahkannya," katanya.

Di KOTA BHARU Badan Perhubungan Umno Kelantan menyifatkan langkah kerajaan itu sebagai tindakan proaktif yang menguatkan proses penjelasan isu terbabit terhadap rakyat.

Pengerusinya, Datuk Seri Annuar Musa, berkata pendedahan dokumen itu akan menjawab segala dakwaan yang dilemparkan terhadap kerajaan oleh pihak tertentu, terutama pembangkang di Kelantan.

"Umno Kelantan yakin dokumen itu mampu menguraikan segala kekeliruan di kalangan rakyat," katanya selepas pelancaran kejohanan futsal dan bola jaring Kelantan yang dirasmikan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein di Kok Lanas, di sini, semalam.

Di KOTA KINABALU, Ketua Penerangan Umno negeri, Datuk Sapawi Ahmad menyifatkan langkah mengklasifikasikan dokumen rahsia kelmarin sebagai pendekatan tepat.

"Ia berupaya memberi penjelasan berdasarkan fakta sahih kepada rakyat, sekali gus menjawab kekeliruan mereka," katanya.